



Misi Kami

Matlamat kami di Destination Asia adalah untuk menyumbang kepada masyarakat dan pelancongan dengan menerapkan isu kemampanan.

Sebarang aktiviti yang kami lakukan akan menjurus ke arah untuk memudahkan perjalanan kami di dunia ini dan memperkasakan pengembaraan dan meninggalkan kesan positif terhadap persekitaran sekitar di tempat yang mereka lawati atau tinggal. Kami akan sentiasa berusaha untuk menguruskan sumber alam sekitar, supaya keperluan ekonomi dan sosial dapat dipenuhi sambil mengekalkan integriti budaya dan kepelbagaian biologi – iaitu dengan memelihara unsur-unsur yang menjadikan destinasi kami tempat yang diingini untuk dikunjungi.

Tambahan pula, melalui kerjasama dengan rakan kongsi pembekal kami, kami berusaha untuk mengendalikan pelancongan yang lebih berkualiti dan mampan.

Destination Asia beroperasi dari 29 pejabat di 11 negara Asia, dan mengamalkan teras kemampanan.

Kami berusaha untuk menjalankan perniagaan mengikut etika piawaian, iaitu dengan menumpukan arah kepada inisiatif ekonomi, sosial dan alam sekitar. Juga, apa yang akan dinikmati oleh masyarakat setempat.

Kami berhasrat untuk beroperasi dengan cara memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kesan negative terhadap alam sekitar. Tambahan pula, kami mempunyai rakan Kongsi yang mempunyai pemikiran yang selari dengan kami.

Bersama-sama dengan pembekal kami, kami akan berusaha sedaya upaya untuk mengamalkan perniagaan yang mampan dan menguruskan operasi perkhidmatan yang sedia ada.

Dengan ini kami mengisytiharkan bahawa kami akan menyediakan produk dan perkhidmatan yang berinovatif dan pelbagai kepada pelanggan berdasarkan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Kami akan menunjukkan kepada anda langkah-langkah untuk memastikan operasi yang baik dan selamat, membangun, mengurus dan memasarkan perkhidmatan pelancongan dengan cara yang mampan. Berdasarkan idea ini, dengan ada nya Travellife (syarikat pelancongan yang mengejar kelestarian) sebagai ahli organisasi yang menjalankan latihan, pengurusan dan pensijilan, kami akan berusaha ke arah operasi yang mampan.

Operasi Mampan

Setiap pejabat di 11 negara destinasi di Asia telah menubuhkan pasukan hijau untuk menerajui inisiatif yang mengarah kepada isu kemampanan.

Perlantikan Penyelaras Kelestarian akan menyediakan laporan terus dan berakauntabiliti terhadap pengurusan, mengekalkan navigasi, menyelaras keselamatan pembangunan, memantau dan menilai setiap rancangan yang dijalankan. Sehubungan dengan itu setiap pejabat digalakkan menggunakan produk mesra alam.

Kami akan mengemas kini dasar kemampanan kami dan melaporkan kemajuan operasi yang fokus pada penyelaras kemampanan.

Pasukan Hijau ini terdiri daripada kakitangan kanan dari setiap jabatan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif operasi mampan dijalankan.



Mengurangkan Produk Pakai Buang dan Bahan Habis Pakai

Dalam pelaksanaan perniagaan, kami berusaha untuk mengurangkan penggunaan produk pakai buang dan bahan habis pakai, namun jika terdapat kesukaran dalam melaksanakan aktiviti ini, kami akan cuba untuk mengurangkan penggunaan produk pakai buang dan bahan habis pakai dengan sebanyak mungkin.

Kami telah mula menggunakan bahan kitar semula dan mengelakkan penggunaan botol plastik sama sekali. Kakitangan juga dinasihatkan untuk mengurangkan penggunaan botol plastik dan berusaha untuk melaksanakan inisiatif ini di semua pejabat. Walaupun agak sukar, namun dalam sesetengah kes, kami ada menyediakan tong sampah khusus yang boleh digunakan oleh semua pekerja dan berusaha untuk mengitar semula plastik, kertas, kaca dan bahan kompos.

Pengurangan Penggunaan Kertas

Kami telah memasang pencetak yang dikongsi bersama didalam syarikat dan pencetak peribadi diberikan secara eksklusif hanya untuk pegawai eksekutif. Pencetakan daripada komputer yang digunakan oleh pekerja ditetapkan kepada pencetakan dua muka, dan perlu menggunakan kertas salinan terpakai. Bagi cetakan peribadi, kertas harus mempunyai bahagian belakang yang boleh digunakan untuk tujuan pencetakan.

Pekerja digalakkan menggunakan mod penjimatan dakwat, yang boleh mengurangkan penggunaan dakwat sebanyak 15% seperti mesin pencetak Xerox yang boleh memantau jumlah kertas dan dakwat yang digunakan setiap bulan. Pada masa hadapan, kami akan berusaha untuk melaksanakan inisiatif ini di semua pejabat.

Dalam contoh khusus ibu pejabat di Bangkok, di mana mereka menyiarkan jumlah penggunaan kertas bulanan di ruang awam dengan memaklum dan memantau penggunaan dalam syarikat.

Pembelian yang Mampan

Untuk memastikan pembelian yang mampan, kami menyediakan kopi dan teh dari pedagang tempatan yang menanam di sekitar kawasan tempat tinggal mereka.

Kami membeli produk secara pukal dan memastikan produk yang dibeli mengikut piawaian kebersihan yang ditetapkan dan tidak memberi kesan sampingan kepada alam sekitar.

Barangan (giveaway) untuk peserta trip dihasilkan sendiri oleh penduduk tempatan bagi mengurangkan pelepasan CO2 dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk warga tempatan.

Dasar Pengurangan Tenaga

Dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga, kami telah mengambil langkah-langkah tersebut, iaitu dengan mematikan penghawa dingin pada waktu malam dan pada hujung minggu, menggunakan peranti jimat tenaga dan jimat kuasa pada lampu dan peralatan khas, dan mematikan komputer dan peranti lain semasa waktu rehat.

Selain itu, kami juga mengelakkan penggunaan tenaga yang tidak perlu di pejabat seperti mematikan kuasa utama mesin penyalin pada penghujung hari bekerja dan pada hujung minggu, dan dengan mencabut plag dan soket elektrik.



Polisi Perjalanan Kakitangan dan Dasar Pengangkutan yang Mampan

Kami menggalakkan pekerja kami untuk lebih menggunakan pengangkutan awam apabila perlu dan kami juga memastikan bahawa syarikat pengangkutan yang digunakan merupakan syarikat yang mementingkan ciri-ciri keselamatan.

Keutamaan akan diberikan kepada operator yang menyediakan kaedah pengangkutan yang menggalakkan pemandunya mengikuti kursus pemanduan eko dan menerima latihan yang sewajarnya.

Pada masa ini, kami sedang memilih program yang sesuai untuk mengimbangi pelepasan karbon yang berkaitan dengan perjalanan pekerja dan pada masa hadapan, kami juga akan berusaha untuk memastikan perjalanan pelanggan kami mengikut piawaian yang mampan.

Pembekal Rakan Kongsi (Rakan Kongsi)

Kami juga ada berkongsi matlamat dan inisiatif keselamatan dengan rakan kongsi perniagaan dan pembekal utama kami.

Kerjasama ini adalah bertujuan untuk memastikan semua pekerja dimaklumkan secara menyeluruh dan melaksanakan amalan pengurusan yang lebih canggih dan mampan. Kami akan memberi penekanan kepada inisiatif mampan yang akan dilaksanakan oleh setiap pengendali perniagaan kami.

Dasar Penginapan Lestari

Untuk rakan kongsi penginapan iaitu rakan perniagaan utama kami, kami akan memastikan mereka faham akan matlamat dan inisiatif mampan yang ingin kami terapkan. Semua inisiatif ini dilampirkan didalam pengurusan kontrak yang diberi, item demi item.

Tandatangan ditukar antara mereka yang bertanggungjawab, dengan tujuan untuk menyumbang kepada peningkatan faedah komuniti setempat. Kami juga menyediakan pelanggan kami dengan pelbagai jenis penginapan untuk dipilih.

Bentuk penginapan yang kami sediakan ialah antaranya ialah homestay yang bertujuan anda untuk mendalami dan memahami tentang rantau ini. Pengendali penginapan rakan kongsi juga kami harus mempunyai nilai mampan yang kukuh.

Kami juga akan sentiasa mematuhi syarat larangan buruh paksa dan buruh kanak-kanak, dan kami mengharapkan pihak yang terlibat juga akan menyumbang secara aktif kepada komuniti setempat.

Apabila memilih kemudahan, kami memberi penekanan pada perniaga yang memiliki sijil keselamatan antarabangsa.



Pelancongan Mampan (Dasar Persiaran Mampan)

Kami akan memastikan bahawa rakan kongsi perniagaan utama kami terutamanya pengendali pelancongan, memahami usaha kami yang mengarah kepada inisiatif kemampanan.

Kami menggalakkan syarikat yang menjalankan perniagaan pelancongan untuk melibatkan diri dalam amalan pelancongan yang lebih bertanggungjawab seperti pertimbangan khusus dalam persekitaran semula jadi.

Untuk memastikan setiap pengendali perniagaan memahami dasar kemampanan kami, semua kakitangan kami akan menjalankan aktiviti yang sesuai dengan dasar yang diberikan.

Dengan membina kod kelakuan, semua rakan kongsi perniagaan kami harus komited dan menghormati hak asasi manusia dan menghapuskan eksploitasi buruh terhadap kanak-kanak.

Bagi mematuhi larangan tersebut, semua rakan kongsi perniagaan kami harus menyedari betapa penting nya inisiatif kemampanan yang cuba diterapkan.

Mesej Pemasaran dan Maklumat Produk

Destination Asia tidak akan terlibat dalam sebarang pengiklanan palsu atau berlebihan dari mana-mana negara atau rantau dan akan bertanggungjawab sepenuhnya atas semua tindakan jika ada.

Melalui aktiviti perniagaan yang kami jalankan, kami berusaha sebaik mungkin untuk mencipta kesan yang positif terhadap alam sekitar, pelanggan, pekerja dan komuniti.

Tambahan pula, kami akan sentiasa bertindak mematuhi undang-undang, mengikut piawaian etika dan norma antarabangsa. Kami juga menggalakkan pelanggan kami supaya menyokong komuniti tempatan yang mereka lawati dan menyampaikan isu kemampanan yang berkaitan dengan destinasi yang dilawati, serta memberi peluang kepada mereka yang ingin membuat sumbangan atau menyumbang kepada masyarakat setempat.

Maklumat tentang produk boleh diberikan oleh pelanggan itu sendiri atau anda boleh melihat maklumat negara tersebut dengan lebih terperinci melalui maklumat dalam talian. Bagi pelanggan yang melancong, sokongan penuh diperlukan sepanjang penginapan mereka di sesuatu tempat.

Sekiranya berlaku kecemasan, kami akan melaksanakan tindak balas yang sesuai berdasarkan garis panduan yang diberikan.

